
International Journal of Education, Psychology and Counseling
IJEPC
EISSN : 0128-164X
Volume 11 Issue 64 (September 2026) PP. 1928-1939



INTERNATIONAL JOURNAL OF EDUCATION, PSYCHOLOGY AND COUNSELLING (IJEPC)
https://gaexcellence.com/ijepc

PENGALAMAN PEMBELAJARAN BERMAKNA MAHASISWA MELALUI SIKAP DAN GAYA DAKWAH PENSYARAH DALAM KURSUS PRINSIP-PRINSIP ASAS ISLAM (CTU101)

MEANINGFUL LEARNING EXPERIENCES OF STUDENTS THROUGH LECTURERS' ATTITUDES AND DA'WAH APPROACHES IN THES PRINCIPLES OF BASIC ISLAM COURSE (CTU101)

Izzah Athirah Ibrahim[1]*, Ahmad Firdaus Mohd Noor[2], Ahmad Rozaini Ali Hasan[3], Muhd Imran Abd Razak[4]

[1]Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), UiTM Perak Branch, Seri Iskandar Campus, Malaysia
2024162747@student.uitm.edu.my https://orcid.org/0009-0002-9972-2582
[2]Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), UiTM Perak Branch, Seri Iskandar Campus, Malaysia
firdausnoor@uitm.edu.my https://orcid.org/0000-0002-2308-6869
[3]Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), UiTM Perak Branch, Seri Iskandar Campus, Malaysia
ahmad@uitm.edu.my https://orcid.org/0009-0000-5751-7172
[4]Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), UiTM Perak Branch, Seri Iskandar Campus, Malaysia
imranrazak@uitm.edu.my https://orcid.org/0000-0001-8070-868X
*Corresponding Author

Article Info:

Article history:
Received date: 30.70.2026
Revised date: 18.08.2026
Accepted date: 24.09.2026
Published date: 30.09.2026

Abstrak:

Artikel ini membincangkan pengalaman pembelajaran bermakna mahasiswa melalui sikap dan gaya dakwah pensyarah dalam Kursus Prinsip-Prinsip Asas Islam (CTU101). Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif dengan pendekatan fenomenologi bagi meneroka pengalaman mahasiswa sepanjang mengikuti kursus tersebut. Seramai 80 orang mahasiswa terlibat dalam penulisan diari refleksi mingguan selama 12 minggu, manakala lapan orang mahasiswa yang mewakili empat kelas dipilih sebagai peserta temu bual. Data kajian ditriangulasikan melalui diari refleksi, temu bual, nota lapangan dan diari pengkaji bagi meningkatkan kesahan dapatan. Analisis data dijalankan menggunakan perisian NVivo 14.0 bagi mengenal pasti tema dan pola pengalaman mahasiswa. Hasil kajian menunjukkan bahawa

International Journal of Education, Psychology and Counseling
IJEPC
EISSN : 0128-164X
Volume 11 Issue 64 (September 2026) PP. 1928-1939

To cite this document:

Ibrahim, I. A., Noor, A. F. M., Hasan, A. R. A., & Razak, M. I. A. (2026). Pengalaman Pembelajaran Bermakna Mahasiswa Melalui Sikap Dan Gaya Dakwah Pensyarah Dalam Kursus Prinsip-Prinsip Asas Islam (CTU101). *International Journal of Education, Psychology and Counselling, 11*(64), 1928-1939.

DOI: 10.35631/IJEPC.1164107

pengalaman pembelajaran bermakna mahasiswa terbentuk melalui empat pengalaman utama, iaitu teguran berhemah dan empati, ucapan penuh hikmah, pendekatan mesra dan terbuka serta penampilan berwibawa dan beradab. Berdasarkan pola dapatan tersebut, artikel ini menghasilkan Model Sikap dan Gaya Dakwah Pensyarah Sahsiah Mahasiswa (MSDGDPSM).

Kata Kunci:

Pengalaman Pembelajaran Bermakna, Sikap Dan Gaya Dakwah Pensyarah, Fenomenologi, Mahasiswa, Kursus Prinsip-Prinsip Asas Islam (CTU101)

Abstract:

This article discusses meaningful learning experiences among students through lecturers' attitudes and da'wah styles in the Principles of Basic Islam Course (CTU101). The study employed a qualitative research design with a phenomenological approach to explore students' experiences throughout the course. A total of 80 students participated in weekly reflective journal writing over 12 weeks, while eight students representing four classes were selected as interview participants. Data were triangulated through reflective journals, interviews, field notes, and the researcher's diary to enhance the validity of the findings. Data analysis was conducted using NVivo 14.0 software to identify themes and patterns of students' learning experiences. The findings revealed that meaningful learning experiences were formed through four main experiences, namely empathetic and considerate admonition, wisdom-based communication, friendly and open approaches, as well as dignified and courteous conduct. Based on these findings, this article proposes the Student Character Development through Lecturers' Attitudes and Da'wah Style Model (MSDGDPSM).

Keyword:

Meaningful Learning Experience, Lecturers' Attitudes and Da'wah Style, Phenomenology, Students, Principles of Basic Islam Course (CTU101)

© The authors (2026). This is an Open Access article distributed under the terms of the Creative Commons Attribution (CC BY NC) (http://creativecommons.org/licenses/by-nc/4.0/), which permits non-commercial re-use, distribution, and reproduction in any medium, provided the original work is properly cited. For commercial re-use, please contact ijepc@gaexcllence.com

Pengenalan

Pengalaman pembelajaran memainkan peranan penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran (Lee Cheng Liang et al., 2026). Dalam Pendidikan Islam, pengalaman pembelajaran turut membentuk penghayatan, kesedaran diri dan sahsiah mahasiswa (Al-Attas, 1999; Al-Ghazali, 2000). Dalam konteks kajian ini, pengalaman pembelajaran bermakna

International Journal of Education, Psychology and Counseling
IJEPC
EISSN : 0128-164X
Volume 11 Issue 64 (September 2026) PP. 1928-1939
merujuk kepada pengalaman yang memberi kesan mendalam terhadap pembentukan sahsiah mahasiswa sepanjang mengikuti Kursus Prinsip-Prinsip Asas Islam (CTU101). Pendidikan Islam bukan sahaja melibatkan penyampaian ilmu secara kognitif, malah turut menekankan penghayatan, pembinaan akhlak dan *tazkiyatun nafs* dalam diri pelajar (Al-Ghazali, 2000). Di samping itu, Pendidikan Islam memberi perhatian terhadap pembangunan rohani, adab dan nilai sebagai asas pembentukan insan seimbang dalam kehidupan seharian (Al-Attas, 1999). Oleh itu, proses pengajaran yang berkesan perlu menyentuh aspek intelektual, emosi dan spiritual mahasiswa secara menyeluruh bagi membentuk sahsiah serta penghayatan nilai Islam yang baik.

Pembelajaran melalui pengalaman merupakan aspek penting dalam perkembangan diri mahasiswa. Menurut Kolb (1984), pembelajaran berlaku apabila individu melalui, menghayati dan merefleksi pengalaman sehingga membentuk kefahaman serta perubahan dalam diri. Perspektif ini menunjukkan bahawa pembelajaran bukan sekadar penerimaan ilmu secara formal, malah turut melibatkan pengalaman dan refleksi yang mempengaruhi pemikiran, emosi serta tingkah laku individu. Dalam konteks pendidikan tinggi, pengalaman pembelajaran membantu mahasiswa membina perkembangan kendiri dan memahami hubungan antara ilmu yang dipelajari dengan kehidupan mereka (Latipah et al., 2017; Suleman, 2024). Hal ini menunjukkan bahawa pengalaman yang dihayati secara bermakna berpotensi membentuk sahsiah mahasiswa secara lebih mendalam.

Dalam Pendidikan Islam, pembentukan sahsiah mempunyai hubungan rapat dengan konsep *tazkiyatun nafs* yang menekankan penyucian jiwa dan pembinaan akhlak dalam diri individu. Menurut Al-Ghazali (2000), pendidikan bukan sahaja bertujuan menyampaikan ilmu, malah turut membentuk akhlak, adab dan keperibadian manusia. Pendidikan yang berkesan perlu membantu mahasiswa membina kesedaran diri, mengawal tingkah laku dan menghayati nilai Islam dalam kehidupan seharian. Oleh itu, pengalaman pembelajaran dalam Pendidikan Islam perlu memberi ruang kepada mahasiswa untuk menghayati dan merefleksi pembelajaran agar pengalaman tersebut dapat membentuk sahsiah mereka.

Pengalaman pembelajaran mahasiswa tidak terbentuk secara bersendirian, sebaliknya dipengaruhi oleh suasana dan interaksi yang berlaku sepanjang proses pembelajaran. Antara faktor yang sering dibincangkan dalam literatur ialah hubungan antara pensyarah dan mahasiswa serta pendekatan yang digunakan dalam penyampaian ilmu (Kurniawati, 2023). Hubungan pedagogi yang positif mampu meningkatkan penglibatan, keselesaan dan minat mahasiswa terhadap pembelajaran (Fitrianti & Hidayati, 2025). Dalam Pendidikan Islam, pensyarah bukan sahaja berperanan sebagai penyampai ilmu, malah turut bertindak sebagai murabbi yang membimbing mahasiswa dari aspek adab, akhlak dan penghayatan nilai Islam (Ahmad Firdaus & Khairunisa' Syukor, 2023). Oleh itu, interaksi yang baik antara pensyarah dan mahasiswa berpotensi mewujudkan pengalaman pembelajaran yang lebih bermakna serta menyumbang kepada pembentukan sahsiah mahasiswa.

Dalam pengajaran Pendidikan Islam, gaya dakwah pensyarah bukan sekadar tertumpu kepada penyampaian ilmu, malah turut melibatkan komunikasi, nasihat, empati dan pendekatan interpersonal. Pendekatan dakwah dalam pendidikan perlu dilaksanakan secara berhikmah, bijaksana dan sesuai dengan keadaan sasaran dakwah (Hafiz et al., 2024). Pensyarah yang mengamalkan pendekatan mesra, berhikmah dan berempati didapati lebih berupaya mewujudkan suasana pembelajaran yang selesa serta membantu mahasiswa menerima pengajaran dengan lebih terbuka (Andini et al., 2024; Irmadurisa et al., 2022). Hal ini kerana

International Journal of Education, Psychology and Counseling
IJEPC
EISSN : 0128-164X
Volume 11 Issue 64 (September 2026) PP. 1928-1939
mahasiswa bukan sahaja menilai kandungan pengajaran, malah turut dipengaruhi oleh cara pensyarah berinteraksi, menegur dan membimbing mereka sepanjang proses pembelajaran.

Selain itu, akhlak dan keperibadian pensyarah turut mempengaruhi pengalaman pembelajaran mahasiswa. Pensyarah yang beradab, bertanggungjawab, berempati dan mudah didekati mampu menjadi contoh teladan kepada mahasiswa sepanjang proses pembelajaran (Andini et al., 2024). Pendekatan pengajaran yang menampilkan unsur kasih sayang, penghormatan dan komunikasi interpersonal yang baik turut membantu mewujudkan hubungan yang lebih positif antara pensyarah dan mahasiswa (Norfarahi Zulkifli et al., 2021). Hubungan ini menjadikan mahasiswa berasa lebih dihargai dan selesa dalam pembelajaran. Keadaan tersebut menyumbang kepada pengalaman pembelajaran yang lebih bermakna serta mempengaruhi pembentukan nilai dan sahsiah mahasiswa.

Dalam konteks institusi pengajian tinggi, Kursus Prinsip-Prinsip Asas Islam (CTU101) merupakan kursus asas yang bertujuan memperkukuhkan kefahaman dan penghayatan mahasiswa terhadap prinsip-prinsip Islam. Kursus ini bukan sahaja memberikan pengetahuan berkaitan akidah, ibadah dan nilai Islam, malah turut menjadi medium pembangunan sahsiah serta pengukuhan identiti mahasiswa sebagai individu Muslim. Oleh itu, pengalaman yang dilalui sepanjang mengikuti CTU101 berpotensi mempengaruhi cara mahasiswa memahami dan menghayati nilai Islam dalam kehidupan mereka. Dalam konteks ini, sikap dan gaya dakwah pensyarah turut menjadi antara faktor yang membentuk pengalaman pembelajaran mahasiswa.

Kajian berkaitan Pendidikan Islam sebelum ini banyak memberi tumpuan kepada kaedah pengajaran, keberkesanan pembelajaran dan pengurusan kelas (Abdull Sukor, 2000; Kamarul Azmi, 2010). Selain itu, terdapat penyelidikan yang meneliti hubungan antara pensyarah dan pelajar serta pengaruh pendekatan pengajaran terhadap penglibatan pelajar dalam pembelajaran. Walau bagaimanapun, penerokaan terhadap pengalaman pembelajaran mahasiswa melalui sikap dan gaya dakwah pensyarah masih terhad, khususnya dalam konteks Kursus Prinsip-Prinsip Asas Islam (CTU101). Kebanyakan penyelidikan terdahulu lebih memfokuskan aspek pedagogi, keberkesanan pengajaran dan pencapaian pembelajaran berbanding pengalaman yang membentuk sahsiah mahasiswa secara mendalam (Emie Sylviana et al., 2019; Farah Safura et al., 2023; Mustapa & Ambo, 2025). Di samping itu, kajian berkaitan pengalaman mahasiswa lebih banyak dilaksanakan dalam konteks umum pendidikan tinggi dan kurang meneliti pengalaman pembelajaran dalam Pendidikan Islam menggunakan pendekatan fenomenologi. Keadaan ini menunjukkan bahawa masih terdapat ruang penyelidikan untuk meneroka pengalaman pembelajaran bermakna mahasiswa melalui sikap dan gaya dakwah pensyarah dalam Kursus Prinsip-Prinsip Asas Islam (CTU101).

Oleh itu, kajian ini dijalankan bagi meneroka pengalaman pembelajaran bermakna mahasiswa melalui sikap dan gaya dakwah pensyarah dalam Kursus Prinsip-Prinsip Asas Islam (CTU101). Fokus kajian ini bukan untuk menilai pensyarah, tetapi untuk memahami pengalaman mahasiswa terhadap sikap dan gaya dakwah yang mempengaruhi pembentukan sahsiah mereka sepanjang proses pembelajaran.

Objektif dan Persoalan Kajian

Kajian ini bertujuan meneroka pengalaman pembelajaran bermakna mahasiswa melalui sikap dan gaya dakwah pensyarah dalam Kursus Prinsip-Prinsip Asas Islam (CTU101).

International Journal of Education, Psychology and Counseling
IJEPC
EISSN : 0128-164X
Volume 11 Issue 64 (September 2026) PP. 1928-1939

Sehubungan itu, persoalan kajian ialah:

- Apakah pengalaman pembelajaran bermakna mahasiswa melalui sikap dan gaya dakwah pensyarah dalam Kursus Prinsip-Prinsip Asas Islam (CTU101)?

Metodologi Kajian

Bagi memenuhi objektif dan menjawab persoalan kajian, pengkaji menggunakan reka bentuk kajian kualitatif dengan pendekatan fenomenologi. Pendekatan ini dipilih kerana sesuai untuk meneroka pengalaman pembelajaran bermakna mahasiswa melalui sikap dan gaya dakwah pensyarah dalam Kursus Prinsip-Prinsip Asas Islam (CTU101). Fenomenologi memberi penekanan terhadap pemahaman pengalaman hidup peserta kajian secara mendalam serta makna yang terbentuk daripada pengalaman tersebut (Creswell, 2023; Moustakas, 1994). Di samping itu, pendekatan fenomenologi membolehkan pengkaji meneliti pengalaman peserta kajian secara holistik dan kontekstual sepanjang mengikuti kursus berkenaan.

Menerusi kajian ini, pengkaji menggunakan penulisan diari refleksi mingguan sebagai sumber data utama yang melibatkan 80 orang mahasiswa sepanjang tempoh 12 minggu. Kaedah ini membolehkan pengkaji meneliti pengalaman pembelajaran mahasiswa secara berterusan serta memahami penghayatan mereka sepanjang mengikuti Kursus Prinsip-Prinsip Asas Islam (CTU101). Bagi memperkukuhkan data yang diperoleh, pengkaji turut menjalankan temu bual separa berstruktur terhadap lapan orang mahasiswa yang dipilih daripada empat kelas yang terlibat. Pemilihan peserta temu bual dibuat berdasarkan kesesuaian pengalaman dan ketepuan data bagi memperoleh pemahaman yang lebih mendalam terhadap fenomena yang dikaji (Creswell, 2013; Yin, 2016) .

Seterusnya, data daripada diari refleksi dan temu bual ditranskripsikan serta dianalisis menggunakan perisian NVivo versi 15.0. Analisis dijalankan secara tematik bagi mengenal pasti tema dan pola yang berkaitan dengan pengalaman pembelajaran bermakna mahasiswa melalui sikap dan gaya dakwah pensyarah dalam Kursus Prinsip-Prinsip Asas Islam (CTU101). Penggunaan NVivo membantu pengurusan, penyusunan dan pengekodan data secara sistematik serta memudahkan pengkaji mengenal pasti tema yang muncul secara berulang daripada perkongsian peserta kajian. Hasil analisis ini seterusnya membentuk pola dapatan kajian (Denzin & Lincoln, 2018; Patton, 2015). Dalam kajian kualitatif, nota lapangan dan diari pengkaji membantu merekod pemerhatian, refleksi serta situasi yang berlaku sepanjang kajian. Kaedah ini sekali gus memberikan gambaran yang lebih menyeluruh terhadap fenomena yang dikaji (Malik et al., 2025).

Seterusnya, data daripada diari refleksi dan temu bual ditranskripsikan serta dianalisis menggunakan perisian NVivo versi 15.0. Analisis dijalankan secara tematik bagi mengenal pasti tema dan pola yang berkaitan dengan pengalaman pembelajaran bermakna mahasiswa melalui sikap dan gaya dakwah pensyarah dalam Kursus Prinsip-Prinsip Asas Islam (CTU101). Penggunaan NVivo membantu pengurusan, penyusunan dan pengekodan data secara sistematik serta memudahkan pengkaji mengenal pasti tema yang muncul secara berulang daripada perkongsian peserta kajian. Hasil analisis ini seterusnya membentuk pola dapatan kajian.

International Journal of Education, Psychology and Counseling
IJEPC
EISSN : 0128-164X
Volume 11 Issue 64 (September 2026) PP. 1928-1939

Dapatan dan Perbincangan Kajian

Bahagian ini membincangkan pengalaman pembelajaran bermakna mahasiswa melalui sikap dan gaya dakwah pensyarah dalam Kursus Prinsip-Prinsip Asas Islam (CTU101). Dapatan kajian menunjukkan bahawa pengalaman pembelajaran bermakna mahasiswa terbentuk melalui empat pengalaman utama, iaitu teguran berhemah dan empati, ucapan penuh hikmah, pendekatan mesra dan terbuka serta penampilan berwibawa dan beradab. Keempat-empat pengalaman ini memperlihatkan bahawa pembelajaran mahasiswa dalam Kursus Prinsip-Prinsip Asas Islam (CTU101) bukan sahaja dipengaruhi oleh kandungan kursus, malah turut terbentuk melalui interaksi bersama pensyarah sepanjang proses pembelajaran.

Pengalaman pembelajaran bermakna pertama yang diperoleh sebahagian besar mahasiswa melalui sikap dan gaya dakwah pensyarah ialah teguran berhemah dan empati (DRM14K1, 2025: 28; DRM16K1, 2025: 443; DRM8K2, 2025: 397; DRM26K3, 2025: 310; DRM19K4, 2025: 537; NLDK1, 2025: 23; NLDK2, 2025: 74; NLDK3, 2025: 30; NLDK4, 2025: 111; TBM2K1, 2025: 69; TBM10K2, 2025: 110). Teguran berhemah dan empati merujuk kepada pengalaman mahasiswa menerima teguran dan bimbingan pensyarah secara sopan, lembut serta penuh empati. Catatan diari refleksi mahasiswa menunjukkan: *"Pengalaman hari ini yang paling memberi kesan dalam pembentukan sahsiah adalah pensyarah menegur soal Sahsiah Rupa Diri (SRD) ke kelas. Contohnya, berpakaian mengikut SRD, sopan dan menutup aurat"* (DRM10K1, 2025: 55). Catatan lain dalam diari refleksi mahasiswa menunjukkan: *"Pensyarah menasihati palajar agar tidak lambat ke kelas"* (DRM10K2, 2025: 111). Seorang mahasiswa dalam temu bual menyatakan *"Pernah juga saya lihat bagaimana pensyarah menegur pelajar yang tertidur di kelas dan teguran itu membuatkan saya lebih sedar tentang adab, tanggungjawab, dan disiplin"* (TBM2K1, 2025: 69).

Pengalaman pembelajaran bermakna kedua yang diperoleh sebahagian besar mahasiswa melalui sikap dan gaya dakwah pensyarah ialah ucapan penuh hikmah (DRM10K1, 2025: 290; DRM10K1, 2025: 290; DRM10K2, 2025: 290; DRM10K2, 2025: 290; DRM10K2, 2025: 290; DRM10K3, 2025: 290; DRM10K4, 2025: 290; DRM10K4, 2025: 290; NLDK1, 2025: 23; NLDK2, 2025: 74; NLDK3, 2025: 30; NLDK4, 2025: 111; TBM10K3, 2025: 75; TBM1K4, 2025: 23). Ucapan penuh hikmah merujuk kepada pengalaman mahasiswa menerima penyampaian, nasihat dan kata-kata pensyarah secara bijaksana, sopan dan bermakna. Catatan diari refleksi mahasiswa menunjukkan: *"Gaya penyampaian pensyarah yang jelas dan mudah difahami telah membuka minda saya untuk lebih mendalami pengertian sebenar kalimah syahadah dan bagaimana ia membentuk dasar keimanan dalam kehidupan seharian"* (DRM14K4, 2025: 401). Catatan lain dalam diari refleksi mahasiswa menunjukkan: *"Pengalaman dalam kelas minggu ini yang paling memberi kesan kepada saya dari segi pembetukan sahsiah adalah saya berasa sangat tersentuh dengan penyampaian pensyarah berkaitan nabi dan rasul"* (DRM14K1, 2025: 213). Temu bual mahasiswa turut menunjukkan: *"Saya sangat berpuas hati dengan kaedah penyampaian pensyarah. Beliau menerangkan dengan bahasa mudah dan contoh yang tepat"* (TBM10K3, 2025: 75).

Pengalaman pembelajaran bermakna ketiga yang diperoleh sebahagian besar mahasiswa melalui sikap dan gaya dakwah pensyarah ialah pendekatan mesra dan terbuka (DRM3K1, 2025: 191; DRM2K2, 2025: 332; DRM8K2, 2025: 397; DRM9K3, 2025: 362; DRM7K3, 2025: 172; DRM30K4, 2025: 210; DRM31K4, 2025: 187; NLDK1, 2025: 23; NLDK2, 2025: 74; NLDK3, 2025: 30; NLDK4, 2025: 111; TMB5K3, 2025: 81; TBM10K3, 2025: 63). Pendekatan mesra dan terbuka merujuk kepada pengalaman mahasiswa berinteraksi dengan

International Journal of Education, Psychology and Counseling
IJEPC
EISSN : 0128-164X
Volume 11 Issue 64 (September 2026) PP. 1928-1939

pensyarah yang bersifat mesra, mudah didekati dan terbuka. Catatan diari refleksi mahasiswa menunjukkan: "Pengalaman dalam kelas minggu ini yang paling memberi kesan kepada saya dari segi pembentukan sahsiah adalah cara pensyarah yang sangat terbuka dan terima apa pandangan dari setiap pelajar" (DRM16K1, 2025: 443). Catatan lain dalam diari refleksi mahasiswa menunjukkan: "Berdasarkan pengalaman dalam kelas minggu ini yang merupakan kelas dalam talian, saya merasakan aura yang positif dari pensyarah dah senang untuk berhubung serta berkomunikasi. Pembelajarannya juga mudah dan menyenangkan pelajar" (DRM12K2, 2025: 193). Temu bual mahasiswa turut menunjukkan: "Ustaz Shahril mengajar dengan bahasa santai dan jenaka" (TMB5K3, 2025: 81).

Pengalaman pembelajaran bermakna keempat yang diperoleh sebahagian besar mahasiswa melalui sikap dan gaya dakwah pensyarah ialah penampilan berwibawa dan beradab (DRM10K1, 2025: 290; DRM3K1, 2025: 191; DRM2K2, 2025: 332; DRM30K3, 2025: 255; DRM31K4, 2025: 187; NLDK1, 2025: 23; NLDK2, 2025: 74; NLDK3, 2025: 30; NLDK4, 2025: 111; TBM5K2, 2025: 48; TBM2K4, 2025: 97). Penampilan berwibawa dan beradab merujuk kepada pengalaman mahasiswa terhadap pembawaan diri pensyarah yang ditonjolkan melalui adab, disiplin, etika dan tingkah laku yang sopan. Catatan diari refleksi mahasiswa menunjukkan:"Pengalaman dalam kelas minggu ini yang paling memberi kesan kepada saya ialah ustaz adalah seorang yang tegas,bertanggungjawab dan tepati masa. Ini menunjukkan bahawa ustaz ialah seorang yang perlu dicontohi sebagai seorang pelajar" (DRM11K1, 2025: 251). Catatan lain dalam diari refleksi mahasiswa menunjukkan: "Pengalaman yang paling memberi kesan kepada saya adalah memberimakluman awal tentang kelewatan beliau ke kelas atas sebab yang tidak boleh dielakkan" (DRM10K1, 2025: 290). Temu bual mahasiswa turut menunjukkan:"Cara ustaz yang tegas tetapi lemah lembut membuatkan saya terkesan" (TBM5K2, 2025: 48).

Jadual 1 menunjukkan pola pengalaman pembelajaran bermakna mahasiswa melalui sikap dan gaya dakwah pensyarah berdasarkan kekerapan pengalaman yang dinyatakan oleh mahasiswa mengikut kelas. Peratusan yang dipaparkan menggambarkan kecenderungan pengalaman mahasiswa bagi setiap tema utama dalam Kelas 1 hingga Kelas 4.

Jadual 1: Sikap dan Gaya Dakwah Pensyarah Kelas (1) – Kelas (4)

Bil	Sikap dan Gaya Dakwah Pensyarah	Kelas 1	Kelas 2	Kelas 3	Kelas 4
1.	Teguran berhemah dan empati	57%	68%	76%	53%
2.	Ucapan penuh hikmah	93%	100%	43%	66%
3.	Pendekatan mesra dan terbuka	100%	70%	85%	70%
4.	Penampilan beribawa dan beradab	86%	73%	48%	64%

Sumber: Pengkaji (2025)

Berdasarkan dapatan kajian, pengalaman pembelajaran bermakna mahasiswa dalam Kursus Prinsip-Prinsip Asas Islam (CTU101) terbentuk melalui interaksi bersama pensyarah yang menampilkan sikap dan gaya dakwah berhemah, mesra serta beradab. Pengalaman menerima teguran secara empati, mendengar ucapan penuh hikmah, mengalami pendekatan mesra dan terbuka serta memerhati penampilan pensyarah yang berwibawa memperlihatkan bahawa pembelajaran mahasiswa tidak hanya tertumpu kepada kandungan kursus, malah turut dipengaruhi oleh pengalaman interaksi yang membentuk penghayatan dan sahsiah diri. Perkara

International Journal of Education, Psychology and Counseling
IJEPC
EISSN : 0128-164X
Volume 11 Issue 64 (September 2026) PP. 1928-1939
ini menyokong pandangan bahawa hubungan pedagogi yang positif berupaya meningkatkan keterlibatan serta pengalaman pembelajaran (Fitrianti & Hidayati, 2025).

Teguran berhemah dan empati yang diamalkan oleh pensyarah membantu mahasiswa menerima nasihat dan teguran secara lebih terbuka tanpa berasa tertekan atau dipermalukan. Teguran yang disampaikan secara sopan dan penuh empati meningkatkan kesedaran mahasiswa terhadap aspek adab, disiplin dan tanggungjawab diri. Perkara ini selari dengan pandangan Al-Attas (1999) yang menegaskan bahawa pendidikan Islam perlu dilaksanakan secara berhikmah serta mengambil kira keadaan emosi dan kemampuan pelajar. Dari perspektif pembelajaran berasaskan pengalaman, teguran yang diterima menjadi pengalaman konkrit yang mencetuskan refleksi dan kesedaran dalam diri mahasiswa (Baidarus & Radhiyatul Fithri, 2024). Dalam Pendidikan Islam, pengalaman seperti ini mempunyai hubungan rapat dengan proses tazkiyatun nafs yang menekankan muhasabah diri dan pembentukan akhlak (Wandira et al., 2023).

Selain itu, ucapan penuh hikmah yang digunakan oleh pensyarah turut memberi kesan terhadap penghayatan mahasiswa. Penggunaan bahasa yang jelas, sopan dan mudah difahami membantu mahasiswa memahami pengajaran dengan lebih baik serta meningkatkan kesedaran terhadap nilai Islam dalam kehidupan seharian. Hal ini disokong oleh Sukirman & Tri Ratna (2021) yang menjelaskan bahawa komunikasi yang baik antara pensyarah dan pelajar dapat meningkatkan perhatian, penglibatan dan penerimaan pelajar terhadap pembelajaran.

Seterusnya, pendekatan mesra dan terbuka yang diamalkan oleh pensyarah mewujudkan suasana pembelajaran yang lebih selesa dan kondusif. Sikap pensyarah yang mudah didekati serta terbuka menerima pandangan mahasiswa membantu membina komunikasi dua hala yang positif dalam bilik kuliah. Keadaan ini menjadikan mahasiswa lebih yakin untuk berinteraksi dan melibatkan diri dalam pembelajaran. Keadaan ini seiring dengan pandangan Andini et al. (2024) yang menyatakan bahawa hubungan positif antara pensyarah dan pelajar dapat meningkatkan motivasi serta penglibatan pelajar dalam pembelajaran.

Di samping itu, penampilan pensyarah yang berwibawa dan beradab turut mempengaruhi pembentukan sahsiah mahasiswa. Sikap tegas, berdisiplin, bertanggungjawab dan menepati masa menjadikan pensyarah sebagai contoh teladan yang diperhatikan dan dicontohi oleh mahasiswa. Perkara tersebut turut dijelaskan oleh Kurniawati (2023) yang menjelaskan bahawa tingkah laku dan personaliti pensyarah mempunyai pengaruh terhadap sikap pelajar dalam pembelajaran. Dalam konteks Pendidikan Islam, teladan yang ditunjukkan oleh pensyarah berperanan sebagai medium pendidikan akhlak yang membantu mahasiswa memahami dan menghayati nilai melalui pengalaman sebenar.

Akhirnya, dapatan kajian menunjukkan bahawa sikap dan gaya dakwah pensyarah memainkan peranan penting dalam membentuk pengalaman pembelajaran bermakna mahasiswa dalam Kursus Prinsip-Prinsip Asas Islam (CTU101). Oleh itu, pensyarah bukan sahaja berperanan sebagai penyampai ilmu, malah turut berfungsi sebagai pembimbing dan teladan yang membantu mahasiswa memperoleh pengalaman pembelajaran yang lebih bermakna serta menyumbang kepada pembentukan sahsiah secara menyeluruh.

International Journal of Education, Psychology and Counseling
IJEPC
EISSN : 0128-164X
Volume 11 Issue 64 (September 2026) PP. 1928-1939

Implikasi dan Cadangan

Berdasarkan dapatan kajian, pengkaji menghasilkan satu model yang dinamakan Model Sikap dan Gaya Dakwah Pensyarah Sahsiah Mahasiswa (MSDGDPSM). Model ini dibangunkan berdasarkan pengalaman pembelajaran bermakna mahasiswa melalui sikap dan gaya dakwah pensyarah dalam Kursus Prinsip-Prinsip Asas Islam (CTU101). Model ini digambarkan sebagaimana dalam Rajah 1.



Rajah 1: Model Sikap dan Gaya Dakwah Pensyarah Sahsiah Mahasiswa (MSDGDPSM)

Sumber: Penyelidik

Berdasarkan Rajah 1, kesemua elemen sikap dan gaya dakwah pensyarah yang dikenal pasti boleh diamalkan dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran Kursus Prinsip-Prinsip Asas Islam (CTU101) serta kursus Pendidikan Islam di institusi pengajian tinggi. Penghayatan dan pengamalan elemen seperti teguran berhemah dan empati, ucapan penuh hikmah, pendekatan mesra dan terbuka serta penampilan berwibawa dan beradab berpotensi membantu mewujudkan pengalaman pembelajaran yang lebih bermakna dalam kalangan mahasiswa. Seterusnya, pendekatan ini dapat membantu meningkatkan penghayatan nilai Islam, kesedaran diri dan pembentukan sahsiah mahasiswa secara lebih menyeluruh.

Kesimpulan

Berdasarkan kajian ini, pengkaji telah membincangkan objektif, metodologi, dapatan serta perbincangan berkaitan pengalaman pembelajaran bermakna mahasiswa melalui sikap dan gaya dakwah pensyarah dalam Kursus Prinsip-Prinsip Asas Islam (CTU101). Hasil pola dapatan kajian berjaya menghasilkan Model Sikap dan Gaya Dakwah Pensyarah Sahsiah Mahasiswa (MSDGDPSM) yang dibincangkan dalam implikasi kajian ini. Justeru, pensyarah Pendidikan Islam perlu memberi perhatian terhadap aspek sikap dan gaya dakwah dalam proses pengajaran dan pembelajaran agar pengalaman pembelajaran yang bermakna dapat diwujudkan dalam kalangan mahasiswa. Pendekatan yang berhemah, berhikmah, mesra dan

International Journal of Education, Psychology and Counseling
IJEPC
EISSN : 0128-164X
Volume 11 Issue 64 (September 2026) PP. 1928-1939

beradab berpotensi membantu meningkatkan penghayatan pembelajaran Islam serta menyumbang kepada pembentukan sahsiah mahasiswa secara lebih menyeluruh.

Penghargaan:	Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Universiti Teknologi MARA (UiTM), Cawangan Perak atas sokongan dan kemudahan yang diberikan sepanjang kajian ini dijalankan..
Penyataan Pembiayaan:	Kajian ini tidak menerima sebarang pembiayaan.
Pernyataan Konflik Kepentingan:	Penulis mengisytiharkan bahawa tiada konflik kepentingan berkaitan penerbitan kertas kerja ini. Semua penulis telah menyumbang kepada kajian ini dan telah meluluskan versi akhir manuskrip untuk penyerahan kepada International Journal of Education. Psychology and Counseling (IJEPC).
Pernyataan Etika:	Kajian ini telah dijalankan selaras dengan piawaian etika penyelidikan. Semua prosedur yang melibatkan responden manusia telah disemak dan diluluskan oleh Jawatan Kuasa Penyelidikan UiTM, dengan nombor kelulusan REC/03/2025 (PG/MR/190). Persetujuan bermaklumat telah diperoleh daripada semua responden sebelum pengumpulan data dijalankan. Penyertaan adalah secara sukarela, dan responden telah dijamin kerahsiaan serta anonimitas. Data yang dikumpulkan digunakan semata-mata bagi tujuan akademik.
Pernyataan Sumbangan Penulis:	Semua penulis telah menyumbang secara signifikan terhadap pembangunan manuskrip ini. Izzah Athirah Ibrahim bertanggungjawab terhadap pengkonsepan, metodologi dan penyeliaan keseluruhan kajian. Beliau mengendalikan pengumpulan data, analisis serta tafsiran dapatan kajian. Seterusnya beliau turut menyumbang kepada sorotan literatur, penyediaan draf, dan semakan kritikal manuskrip. Semua penulis telah membaca dan meluluskan versi akhir manuskrip sebelum penyerahan.

International Journal of Education, Psychology and Counseling
IJEPC
EISSN : 0128-164X
Volume 11 Issue 64 (September 2026) PP. 1928-1939

Rujukan

Ahmad Firdaus, M. N., & Khairunisa' Syukor. (2023). Model amalan penyelidik unggul berdasarkan pengalaman pensyarah cemerlang Pendidikan Islam di politeknik Malaysia. *Jurnal 'Ulwan*, *3*(8), 190–206.

Al-Attas, M. N. (1999). *The concept of education in Islam : A framework for an Islamic philosophy of education* (Third). International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC).

Al-Ghazali. (2000). *Ihya' ulum al-din* (Vol. 1). Dar al-Ma'arif.

Alhazmi, A. A., & Kaufmann, A. (2022). Phenomenological qualitative methods applied to the analysis of cross-cultural experience in novel educational social contexts. *Frontiers in Psychology*, *13*. https://doi.org/10.3389/fpsyg.2022.785134

Creswell, J. W. (2013). *Qualitative inquiry & research design choosing amog five approches*. SAGE Publications.

Creswell, J. W. (2023). *Research design qualitative, quantitative, and mixed methods approaches*. SAGE Publications.

Denzin, N. K., & Lincoln, Y. S. (2018). *The SAGE handbook of qualitative research*. SAGE Publications.

DRMK1–DRMK4 (2025). Diari refleksi mahasiswa Kursus Prinsip-Prinsip Asas Islam (CTU101) bagi Kelas 1 hingga Kelas 4. Refleksi mingguan mahasiswa sepanjang tempoh pengumpulan data selama 12 minggu.

Fitrianti, F., & Hidayati, N. (2025). Peran guru dalam meningkatkan keterlibatan belajar siswa di kelas. *Damhil Education Journal*, *5*(1), 64. https://doi.org/10.37905/dej.v5i1.2788

Hafiz, A., Mu'ti, A., & Amirrachman, A. (2024). Dakwah dalam perspektif pendidikan: Integrasi nilai-nilai Islam dalam proses pembelajaran dan peran kecerdasan buatan dalam meningkatkan efektivitas pembelajaran. *Rayah Al-Islam*, *8*(3), 1140–1156. https://doi.org/10.37274/rais.v8i3.1063

Kolb. (1984). *Experiential learning: experience as the source of learning and development*. Prentice Hall. http://www.learningfromexperience.com/images/uploads/process-of-experiential-learning.pdf!

Kurniawati, A. (2023). Membangun hubungan yang baik antara guru dan siswa. *Kurikula: Jurnal Pendidikan*, *7*(2), 2023. https://ejournal.iaingawi.ac.id/index.php/kurikula/index

Latipah, E., Kalijaga, S., Jalan Marsda, A., & Sucipto, Y. (2017). Pengaruh strategi experiential learning terhadap self regulated learning mahasiswa. *Humanitas*, *14*(1), 41–56.

Lee Cheng Liang, Mohamad Shahfik Afendi Abdul Ghani, & Tan Tse Guan. (2026). A systematic review to identify the experiential learning elements that could enhance engagement and effective learning. *International Journal of Creative Future and Heritage (TENIAT)*, *14*(1), 70–90. https://doi.org/10.47252/teniat.v13i2.1511

Malik, R., Susanti, R., Hidir, A., Ihsan, M., & Faizal Dzulqarnain, M. (2025). Triangulasi dan analisis domain; meningkatkan kredibilitas dan kedalaman penelitian kualitatif. *KAMBOTI: Jurnal Sosial Dan Humaniora*, *6*, 33–41. https://doi.org/10.51135/kambotivol6issue1p

Michael Gill. (2020). Phenomenology as qualitative methodology. In *Phenomenological approaches to research, in Mik-Meyer, N. and Järvinen, M (Eds.) Qualitative Analysis: Eight approaches* (pp. 73–94). SAGE Publications.

Moustakas, C. (1994). *Phenomenological research methods*. SAGE Publications, Inc. https://doi.org/10.4135/9781412995658

International Journal of Education, Psychology and Counseling
IJEPC
EISSN : 0128-164X
Volume 11 Issue 64 (September 2026) PP. 1928-1939
NLDK1–NLDK4 (2025). Nota lapangan dan diari pengkaji Kursus Prinsip-Prinsip Asas Islam (CTU101). Catatan pemerhatian, refleksi dan pengalaman pengkaji sepanjang proses pengajaran, pengumpulan data serta sesi temu bual bagi Kelas 1 hingga Kelas

Patton, M. Q. (2015). *Qualitative research & evaluation methods : integrating theory and practice* (Fourth). SAGE Publications.

Suleman, Muh. A. (2024). Meningkatkan keterampilan komunikasi siswa melalui penerapan experiential learning. *Ideguru: Jurnal Karya Ilmiah Guru*, *9*(3), 1530–1538. https://doi.org/10.51169/ideguru.v9i3.1101

TBMK1–TBMK4 (2025). Teks temu bual mahasiswa Kursus Prinsip-Prinsip Asas Islam (CTU101). Temu bual separa berstruktur bersama mahasiswa yang dipilih daripada Kelas 1 hingga Kelas 4 selepas tamat tempoh penulisan diari refleksi.

Van Manen, M. (2007). Phenomenology of practice. *Phenomenology & Practice*, *1*(1), 11–30.

Yin, R. K. (2016). *Qualitative research from start to finish* (Second). A Division of Guilford Publications.